



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Kes Kematian melepasi angka 1,000 9

**Harian Metro**

- 13 Kluster baru dikenal pasti 9
- 5709 kini pulih 9

**Berita Harian**

- Lelaki 100 tahun antara 22 kematian baharu 8



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kes Kematian melepasi angka 1,000
Muka Surat	9

# Kes kematian melepasi angka 1,000

Sebanyak 22 kes dilaporkan pada Rabu menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat Covid-19 adalah sebanyak 1,005 kes

**KUALA LUMPUR**

**S**ebanyak 2,998 kes baharu Covid-19 dan 22 kematian direkodkan dalam negara pada Rabu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 5,709 kes sembuh direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh adalah 229,762 kes, manakala kes aktif adalah sebanyak 41,396 kes.

"Daripada jumlah kes baharu, 2,991 kes adalah penularan tempatan melibatkan 1,578 warganegara dan 1,413 bukan warganegara, manakala tujuh adalah kes import melibatkan tiga warganegara dan



**DR NOOR HISHAM**

empat bukan warganegara," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor melaporkan kes ha-

rian baharu tertinggi iaitu 1,382 kes, diikuti Johor sebanyak 436 kes dan Negeri Sembilan pula 233 kes.

Katanya, sebanyak 231 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 115 memerlukan bantuan pernafasan.

Menurutnya, kes kematian akibat Covid-19 di negara ini melepasi 1,000 iaitu 1,005 kes dengan 22 kematian dilaporkan pada Rabu melibatkan warganegara iaitu di Selangor (lapan kes); Sabah (empat kes); Kuala Lumpur (tiga kes); masing-masing dua kes di Sarawak dan Perak; serta satu kes di Negeri Sembilan, Kedah dan Johor dengan lingkungan umur anta-

ra 41 hingga 100 tahun.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 103 kes yang dilaporkan pada Rabu adalah berkaitan kluster di penjara dan lokap yang membabitkan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (48 kes), Kluster Tembok Bendera (22 kes) dan Kluster Tembok Tapah (12 kes).

Selain itu, Kluster Tembok Sungai Udang (empat kes), Kluster Penjara Seberang Perai dan Kluster Penjara Sungai Jelok masing-masing tujuh kes, serta masing-masing satu kes di Kluster Penjara Kepayan, Kluster Tembok Mempaga dan Kluster Matambai.

- Bernama



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	13 Klustrer baharu dikenal pasti
Muka Surat	9

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti 13 kluster baharu Covid-19, semalam membabitkan tempat kerja, kumpulan berisiko tinggi dan komuniti.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 10 kluster membabitkan tempat kerja itu ialah Tapak Bina Jalan Emas, Tapak Bina Seksyen Satu, Jalan Rawang, Jalan Subang, Jalan Perindustrian Murni, Senai Murni Empat, Jalan Persiaran Cyber, Pulau Rusa, Industri Tekstil Nilai dan Tapak Bina Jalan Sultan.

Menurutnya, kluster kumpulan berisiko tinggi pula Jalan DC dan Jalan Paya Ma-

## 13 kluster baharu dikenal pasti

nis manakala kluster komuniti adalah Jan Yong.

"Kluster Tapak Bina Jalan Emas membabitkan daerah Petaling di Selangor dan hasil saringan bersasar pekerja mendapati 49 kes positif dikesan setakat ini.

"Kluster Jalan Rawang membabitkan daerah Gombak di Selangor hasil saringan bersasar pekerja sebuah kilang di mana 42 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Jalan DC membabitkan daerah Kuala Selangor,

Selangor membabitkan sebuah pusat jagaan dengan 13 kes dikesan, setakat ini.

"Kluster Jalan Subang membabitkan daerah Petaling di Selangor hasil saringan bersasar pekerja sebuah kilang di mana 28 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini.

"Kluster Tapak Bina Seksyen Satu pula membabitkan daerah Hulu Langat di Selangor, hasil saringan bersasar pekerja tapak binaan 18 kes dikesan

positif Covid-19," katanya.

Beliau berkata, Kluster Jalan Persiaran Cyber membabitkan daerah Kota Tinggi, Johor Bahru dan Kulai di Johor di mana hasil saringan bersasar pekerja dua kilang mendapati 121 kes dikesan positif Covid-19.

"Kluster Jalan Payamanis pula membabitkan daerah Johor Bahru, Johor.

Hasil saringan individu bergejala di sebuah pusat jagaan dengan 39 kes dikesan

positif Covid-19 dalam kluster ini.

"Kluster Senai Murni Empat membabitkan daerah Kulai di Johor, hasil saringan bersasar pekerja kilang di mana 18 kes dikesan positif Covid-19," katanya.

Katanya, Kluster Jalan Perindustrian Murni membabitkan daerah Kulai, Johor Bahru dan Kota Tinggi di Johor hasil saringan bersasar pekerja kilang di mana 18 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini.

"Kluster Industri Tekstil Nilai membabitkan daerah Seremban dan Port Dickson di Negeri Sembilan hasil saringan bersasar pekerja sebuah kilang di mana 64 kes

dikesan positif Covid-19.

"Manakala, Kluster Tapak Bina Jalan Sultan membabitkan daerah Lembah Pantai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah hasil saringan bersasar pekerja di tapak binaan di mana 120 kes dikesan positif Covid-19.

"Kluster Jalan Yong pula membabitkan daerah Kapit di Sarawak hasil saringan kontak rapat di mana 15 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini," katanya.

Katanya, Kluster Pulau Rusa pula membabitkan daerah Marang, Kuala Nerus, Kuala Terengganu dan Dungun di Terengganu di mana 18 kes dikesan positif Covid-19.

Babitkan tempat kerja, kumpulan berisiko tinggi dan komuniti



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	5709 kini pulih
Muka Surat	9



PETUGAS kesihatan dari Selangor Care (SEL CARE) mengambil sampel cecair hidung penghuni rumah warga emas ketika proses saringan Covid-19 di sebuah pusat penjagaan warga emas masyarakat Cina di Kampung Melayu Subang. Proses saringan ini melibatkan 28 warga emas yang menetap di rumah kebajikan tersebut bagi membendung penularan wabak Covid-19.

# 5,709 kini pulih

HM 18/2/2021 ms 9

Sebanyak 2,998 kes baharu direkod, jumlah kumulatif 272,163

Oleh Muhaamad Hafis  
Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Sebanyak 5,709 kes sembuh Covid-19 direkodkan, semalam sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh di negara ini 272,163 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes baharu Covid-19 pula direkodkan 2,998 kes menjadikan jumlah kumulatif di negara ini adalah 272,163 kes.

**22**  
Jumlah kes kematian baharu direkodkan

“Daripada jumlah itu, tujuh kes import dilaporkan menerima jangkitan di luar negara sementara 2,991 kes tempatan membabitkan 1,578 warganegara manakala 1,413 bukan warganegara.

“Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu 1,382 kes (46.1 peratus) diikuti Johor 436 kes (14.5 peratus) dan Negeri Sembilan 233 kes (7.77 peratus),” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, 103 kes (3.4 peratus) dilaporkan pula berkaitan kluster di penjara dan lokap membabitkan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (48), Kluster Tembok Bendera (22), Kluster Tembok Tapah (12) dan Kluster Penjara Seberang Perai (7).

Katanya, selain itu ia membabitkan Kluster Penjara Sungai Jelok (7), Kluster Tembok Sungai Udang (4) dan masing-masing satu kes bagi Kluster Penjara Kepong, Kluster Tembok

Mempaga serta Kluster Matambai. “Kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah sebanyak 41,396 kes dan seramai 231 pesakit Covid-19 kini dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 115 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan,” katanya.

Katanya, 22 kematian baharu direkodkan, menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat Covid-19 di negara ini adalah 1,005 kes atau 0.37 peratus daripada keseluruhan kes dicatatkan.

Katanya, 22 kematian baharu direkodkan, menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat Covid-19 di negara ini adalah 1,005 kes atau 0.37 peratus daripada keseluruhan kes dicatatkan.

Katanya, 22 kematian baharu direkodkan, menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat Covid-19 di negara ini adalah 1,005 kes atau 0.37 peratus daripada keseluruhan kes dicatatkan.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)**

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Lelaki 100 tahun antara 22 kematian baharu
Muka Surat	8

# Lelaki 100 tahun antara 22 kematian baharu

Selangor kekal catat jumlah jangkitan harian tertinggi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Lelaki berusia 100 tahun antara 22 mangsa terbaru yang terkorban akibat COVID-19 semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham, berkata pesakit ke-267,710 itu berasal dari Selangor meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh.

Menurutnya, lelaki terbabit juga mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan asma.

Semua kes kematian semalam membabitkan warganegara iaitu lapan di Selangor; empat di Sabah, tiga di Kuala Lumpur; masing-masing dua kes di Sarawak dan Perak serta satu di Negeri Sembilan, Kedah serta Johor.

Ia membabitkan warganegara berusia antara 41 hingga 100 tahun dan kebanyakan mereka mempunyai penyakit kronik.

Dalam pada itu, sebanyak 2,998 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes di Malaysia ialah 272,163 kes.

Katanya, kes baharu itu turut membabitkan sembilan kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Katanya, kes harian tertinggi semalam dilaporkan di Selangor; iaitu 1,382 kes (46.1 peratus) dan daripada jumlah itu sebanyak 1,092 kes atau 79 peratus dikesan dalam kluster sedia ada dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ia diikuti Johor dengan 436 kes dan Negeri Sembilan seba-



*BH 18/2/2021 ms 8*  
**Petugas kesihatan Selangor Care** melakukan proses saringan kepada penghuni rumah warga emas di pusat penjagaan di Kampung Melayu Subang, semalam.  
(Foto Hazreen Mohamad/BH)

nyak 233 kes. Sebanyak 103 kes (3.4 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di dalam penjara dan lokap.

"Antaranya Kluster Tembok Pengkalan Chepa (48 kes), Kluster Tembok Bendera (22 kes), Kluster Tembok Tapah (12 kes) dan Kluster Penjara Seberang Perai (tujuh kes).

"Selain itu, turut dikesan ada pertambahan kes ialah Kluster Penjara Sungai Jelok (tujuh kes), Kluster Tembok Sungai Udang (empat kes) dan masing-masing satu kes dalam Kluster Penjara

Kepayan, Kluster Tembok Mempaga dan Kluster Matambai," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini seramai 231 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 115 daripadanya masih memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Selain itu, bagi kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 ialah sebanyak 41,396 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 13 kluster baharu, iaitu 10 berpunca di tempat kerja, dua membabitkan golongan berisiko serta satu dalam kalangan komuniti.

"Kluster Tapak Bina Jalan Emas (Petaling) menjangkiti 49 kes; Kluster Jalan Rawang (Gombak) menjangkiti 42 kes dan Kluster Jalan DC (Kuala Selangor) menjangkiti 13 kes.

"Selain itu Kluster Jalan Subang (Petaling) menjangkiti 28 kes; Kluster Tapak Bina Seksyen Satu (Hulu Langat) menjangkiti

18 kes dan Kluster Jalan Periaran Cyber (Kota Tinggi, Johor Bahru dan Kulai) menjangkiti 121 kes.

"Turut dikesan ialah Kluster Jalan Payamanis (Johor Bahru) menjangkiti 39; Kluster Senai Murni Empat (Kulai) menjangkiti 18 kes serta Kluster Jalan Perindustrian Murni (Kulai, Johor Bahru dan Kota Tinggi) menjangkiti 18 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, selain itu di Negeri Sembilan terdapat Kluster Industri Tekstil Nilai membabitkan daerah Seremban dan Port Dickson yang kini sudah menjangkiti 64 kes.

"Kluster Tapak Bina Jalan Sultan (Lembah Klang) menjangkiti 120 kes; Kluster Jan Yong (Kapit, Sarawak) menjangkiti 15 kes dan Kluster Pulau Rusa (Marang, Kuala Nerus, Kuala Terengganu dan Dungun) menjangkiti 18 kes," katanya.

Sebanyak 5,709 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya ialah 229,762 kes.

**Sebanyak 2,998 kes baharu COVID-19 dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes ialah 272,163 kes.**

**Dr Noor Hisham,**  
Ketua Pengarah Kesihatan